

BAB 3

IDENTITI

3.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji melihat identiti kumpulan Kadazan/Dusun dari segi asal-usul, suku dan subsuku¹⁵ yang wujud dalam masyarakat tersebut. Perbincangan juga melihat kepada bahasa (dialek) pertuturan yang dituturkan oleh masyarakat Kadazan/Dusun di daerah Ranau. Memandangkan wujud persoalan dan perselisihan antara masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah mengenai apakah gelaran yang sesuai untuk kumpulan ini samada Kadazan atau Dusun maka pengkaji telah sedikit sebanyak mengupas keadaan ini dalam konteks negeri Sabah dan daerah Ranau.

3.1 ASAL-USUL

Berbagai teori telah dikemukakan tentang asal-usul kumpulan Kadazan/Dusun di negeri Sabah. Daripada teori-teori tersebut beberapa susur galur asal-usul masyarakat tersebut telah dikemukakan oleh penulis-penulis yang mengkaji masyarakat Bumiputra di Sabah khususnya kumpulan Kadazan/Dusun.

Teori pertama mengatakan bahawa manusia yang terawal

¹⁵ Subsuku ialah pecahan daripada suku utama iaitu hasil daripada pertambahan ahli dalam suku telah menyebabkan suku tersebut berpecah kepada beberapa bahagian dan seterusnya membentuk subsuku setelah membentuk kediaman yang berasingan daripada suku utama. Pengasingan tempat kediaman telah membentuk identiti tersendiri yang membezakan mereka dengan suku utama misalnya loghat yang dituturkan oleh suku utama agak berbeza dengan loghat subsuku-subsukunya.

mendiami tanah Sabah ialah nenek-moyang orang Kadazan/Dusun dan Murut pada hari ini. Dipercayai bahawa pada zaman pra-sejarah orang Melayu Proto/Indonesia adalah penduduk awal disini dan sehingga sekarang mereka dikenali sebagai kumpulan Kadazan/Dusun dan Murut. Mereka dikatakan berasal daripada tanah besar Asia dan telah berhijrah ke Kepulauan Melayu. Dipercayai juga bahawa mereka telah berada disini sejak 30,000 - 40,000 tahun dahulu (Tom & Barbara Harrison, 1969 - 1970).

Menurut beberapa pendapat, nenek-moyang kumpulan Kadazan/Dusun adalah sebahagian daripada satu cabang bangsa Indonesia "diolichocephalic" yang banyak di temui di dunia sebelah sini. Oleh itu dari segi ras mereka banyak persamaan dengan penghuni pulau-pulau yang berjiran. Selepas itu, beberapa kelompok sebagai penghijrah baru telah mengusir orang Dusun dan Murut ke kawasan pedalaman kawasan ini. Kenyataan tersebut sukar diterima kerana tidak terdapat dalam legenda atau metos masyarakat Kadazan/Dusun bahawa mereka telah diusir ke kawasan pedalaman tambahan pula tidak semua orang Dusun dan Murut tinggal di kawasan pedalaman dimana menurut legenda dan metos orang Kadazan/Dusun Ranau kawasan kaki Gunung Kinabalu pada masa dahulu adalah laut sehingga pelayar-pelayar Cina dapat merampas gemala yang dimiliki oleh penjaga Gunung Kinabalu.

Pendapat Ivor H.N. Evans (1922:28) juga mengatakan bahawa tribe yang mendiami kawasan ini adalah serumpun dengan Melayu atau Melayu-Proto dimana mereka juga didapati

di Indonesia dan diakui juga oleh T.R Williams (1966:3).

Teori kedua mengatakan bahawa penduduk tempatan disini adalah berhubung kait dengan orang Cina berdasarkan kepada kebendaan, kesenian dan ekonomi yang dipunyai oleh masyarakat tempatan¹⁶. Tambahan pula terdapat legenda Cina di Borneo yang menceritakan tentang anak-anak Maharaja Cina telah datang ke sini untuk mengambil intan atau gemala yang dikawal oleh naga di Gunung Kinabalu (Tom Harrrison, 1971:100). Legenda ini juga amat popular dikalangan masyarakat Kadazan/Dusun Ranau dimana penduduk tempatan mempercayai bahawa sesiapa orang Cina yang datang untuk mendaki Gunung Kinabalu tanpa kebenaran daripada semangat Gunung akan mendapat malapetaka akibat daripada perbuatan anak-anak raja tersebut. Kepercayaan seumpama ini agak benar kerana legenda tersebut dipunyai oleh kedua-dua masyarakat tersebut dan mungkin mempunyai perhubungan antara satu sama lain.

Dalam catatan sejarah kesultanan Brunei dan kesultanan Sulu pernah dicatatkan bahawa terdapat kediaman Cina di Sungai Kinabatangan pada abad ke 15 dan mungkin mereka menamakan tempat tersebut iaitu apabila disesuaikan dengan perkataan 'Kina' yang menjadi pangkal pertama perkataan Kinabatangan dan Kinabalu terdapat persamaan yang sukar dinafikan. Perkataan kina adalah merujuk kepada 'kina' yang

16 Masyarakat tempatan menganggap tajau atau tempayan yang mereka miliki sebagai benda yang suci kerana masyarakat tempatan tidak mempunyai kemahiran untuk membentuk benda tersebut. Tempayan tersebut diperolehi daripada orang-orang Cina.

bermaksud Cina. Persamaan ini secara teori jelas menunjukkan orang Cina telah mempunyai hubungan dengan tempat ini.

Daripada teori susur galur yang disebutkan diatas dapat disimpulkan bahawa asal-usul kumpulan Kadazan/Dusun adalah daripada tanah besar Asia dan juga mempunyai hubungan dengan orang Cina. Selain daripada itu terdapat juga pendapat-pendapat dikalangan penulis tempatan bahawa asal-usul kumpulan Kadazan/Dusun adalah berasal daripada sebuah tempat bernama 'Nunuk Ragang'. Pendapat tersebut berdasarkan kepada legenda yang dimiliki oleh kumpulan Kadazan/Dusun yang terdapat diseluruh Sabah. Cerita legenda tersebut boleh didapati dalam beberapa versi yang dimiliki oleh setiap kumpulan suku Kadazan/Dusun di Sabah, misalnya cerita legenda tentang asal-usul yang dimiliki oleh kumpulan Kadazan/Dusun Ranau berbeza dengan cerita legenda yang dimiliki oleh kumpulan Kadazan/Dusun di Tuaran (Versi tersebut boleh dilihat dalam bahagian lampiran). Walaubagaimanapun kesemua versi cerita-cerita legenda tersebut menyebut bahawa asal-usul mereka adalah daripada Nunuk Ragang (akan dibincangkan seterusnya). Namun begitu menurut Herman J. Luping (Sabah Times, Nov. 11 1963), asal-usul bangsa Kadazan/Dusun kurang di ketahui dengan pasti dan sehingga pada masa kini masih menjadi isu yang kontroversi. Selain daripada itu, menurut Tom Harrison (1971:363) artifek-artifek batu pada zaman Pra-Neolitic telah dijumpai di Agop Atas iaitu sebahagian daripada Gua Madai yang terletak di pantai Timur Sabah. Pada tahap 9,000 tahun

sebelum masihi dan 3,500 sebelum masihi iaitu pada awal zaman besi, artifek-artifek kebudayaan juga dijumpai di Pusu Lumut, Gua Tapadong dan Sungai Segama. Daripada kenyataan beliau, beberapa pendapat telah mengatakan bahawa asal-usul kumpulan Kadazan/Dusun adalah berasal daripada kumpulan yang mendiami kawasan tersebut.

3.1.1 LEGENDA ASAL-USUL KETURUNAN KADAZAN/DUSUN

Kumpulan Kadazan/Dusun mempercayai bahawa nenek-moyang mereka berasal dari satu tempat bernama Nunuk Ragang. Nunuk Ragang bermakna "pohon Ara berwarna merah". Tempat itu terletak di Kampung Tompios iaitu suatu kawasan di hulu Labuk yang pada masa sekarang terletak di daerah Ranau (lihat Peta I).


Ditempat itu terdapat dua buah sungai iaitu Sungai Liwago atau Kawananan dan Sungai Gelibang atau Kegibangan yang mengalir ke arah Timur Ranau dan Tambunan. Sungai-sungai ini memainkan peranan penting sebagai laluan utama perpindahan beramai-ramai orang-orang Kadazan/Dusun ke seluruh pelusuk tempat di negeri Sabah kemudiannya. Dalam versi legenda asal-usul yang lain, cara utama perpindahan beramai-ramai tersebut adalah melalui seekor ayam jantan raksaka yang menjadi kenderaan kepada orang yang berpindah tersebut.

Menurut cerita orang-orang tua suku kaum Kadazan/Dusun, pokok itu adalah sebesar enam depa lingkungan tangan memeluk dan daun-daunnya yang merimbun dapat melindungi dibawahnya

sebanyak tujuh buah pondok orang-orang Kadazan dahulukala yang berukuran 240 kaki persegi.

Saban hari nenek-moyang mereka dikatakan bermandi-manda di dua buah sungai itu dan kemudiannya memanjat pokok Ara Merah itu serta duduk berjemur diatas dahan-dahannya (lihat Lampiran 1). Akar pokok itu dikatakan mengeluarkan sejenis getah berwarna merah yang dapat menyembuhkan berbagai jenis penyakit. Semasa pengkaji melawat tempat ini pengkaji diberitahu bahawa akar pokok tersebut masih kelihatan hingga sekarang tetapi malangnya pada masa tersebut adalah musim air pasang dan akar tersebut hanya akan kelihatan apabila air sungai surut.

Pada mulanya nenek-moyang mereka hidup bebas dan menikmati limpahan rezeki yang ada disekeliling mereka. Tetapi lama kelamaan apabila penduduk ditempat itu semakin ramai dan bertambah sesak serta pencarian makanan bertambah sukar, ketua mereka telah memerintahkan pahlawan-pahlawannya pergi mengembara dan mencari kawasan-kawasan penempatan baru yang lebih sesuai dan mempunyai sumber makanan yang banyak. Sekembalinya pahlawan-pahlawan itu, mereka telah menceritakan tentang penemuan-penemuan mereka. Maka dengan itu berlakulah penghijrahan secara beramai-ramai dan dalam beberapa kumpulan yang diketuai oleh pahlawan-pahlawan itu yang menyebabkan terjadinya pemisahan dan penyelerakan orang-orang Kadazan seperti yang ada pada masa sekarang (diubahsuai daripada Japin Madisah 1986:5)



Sumber: Japuin Madieah (1986)

Peta 7 : Peta Penghijrahan/Penyelerakan Penduduk Kadazan/Dusun Mengikut Legenda Nunuk Ragong


3.2 SUKU-SUKU KADAZAN/DUSUN DI SABAH

Di negeri Sabah, rumpun suku kaum Kadazan/Dusun dapat dibahagikan kepada suku-suku dan subsuku yang tinggal berselerak di seluruh Negeri Sabah. Kebanyakan mereka mendiami kawasan Residensi Pantai Barat Sabah iaitu di Kudat, Penampang, Putatan, Papar, Kuala Penyu, Inanam, Menggatal, Tamparuli, Tenghilan, Tuaran, Kundasang dan Ranau. Dikawasan Residensi Pedalaman, mereka boleh didapati di Keningau dan Tambunan manakala di Pantai Timur mereka mendiami kawasan Sandakan dan Lahad Datu. Suku tersebut juga didapati di kawasan lain dinegeri Sabah tetapi dalam jumlah yang sedikit (lihat Peta 8 taburan penduduk Kadazan/Dusun).

Kumpulan etnik Kadazan/Dusun terbahagi kepada beberapa suku yang terbesar iaitu di Ranau dikenali sebagai Liwan, manakala di Tambunan terdapat suku Tuwawon dan Tagahas seterusnya di Apin-apin Keningau terdapat suku Sulok, Bundu dan Sarayo manakala di Bingkor Keningau terdapat suku Kuriou, Kudat - Rungus, Tuaran Lotud dan Penampang - Tanggara (lihat Peta 9). Selain daripada suku-suku tersebut terdapat subsuku-subsuku seperti Tuhawon, Kimaragang, Tanggarah, Bundu, Banggi, Tinagas, Semayo, Tutong, Lobu, Tambanuo, Sarayo, Kuriou, Minokok, Paitan, Mangkahak, Dumpas, Sonsong, Luba, Lingkabau, Marigang, Tobilung Nulu, Sensogon dan Talantong.


3.3 PEMBENTUKAN IDENTITI SUKU DAN BAHASA KUMPULAN KADAZAN/DUSUN

Dikatakan pada suatu masa dahulu masyarakat




Sumber : Jayuin Mardisah (1936)

Peta 8 : Peta Taburan Penduduk Kadazan/Dusun




155
150
145
140
135
130
125
120
115
110
105
100
95
90
85
80
75
70
65
60
55
50
45
40
35
30
25
20
15
10
5
0

POGUN SABAH



Sumber: KOLSAAAN Sabah.

Peta 9 : Peta Taburan Suku-Suku Kadazan/Dusun Di Sabah



Kadazan/Dusun bertutur dalam satu bahasa iaitu bahasa tolinting bagaimanapun melalui masa dan beberapa penghijrahan berlaku akibat daripada pertambahan penduduk telah menyebabkan kewujudan beberapa bahasa. Penghijrahan tersebut telah mengujudkan identiti tersendiri khasnya dari segi bahasa yang dibezakan oleh bentuk-bentuk sebutan dan penghuraian perkataan mengikut pembawaan setiap suku-suku yang terhasil akibat daripada penghijrahan tersebut. Beberapa kumpulan yang diketuai oleh ketua masing-masing telah berhijrah ke beberapa kawasan dan akhirnya membentuk suku, misalnya kumpulan tersebut berpindah ke Labuk Sugut dan kawasan Sandakan seterusnya membentuk bahasa Paitan begitu juga yang berpindah ke kawasan Kudat, Marudu, Ranau, Kota Belud, Tuaran, Tambunan, Apin-apin, Bingkor, Keningau dan lain-lain tempat. Kedatangan mereka ke kawasan baru telah membentuk identiti dan nama baru bagi komuniti tersebut. Pembentukan identiti ini dapat dilihat dibawah :

Kudat : Sejenis rumput yang dipanggi Kudat yang banyak didapati di kawasan ini.

Patau : Sejenis pokok yang dipanggil patau.

Keningau : Sejenis pokok yang dipanggil Keningau.

Tagas : Sejenis pokok yang dipanggil tagas.

Tumawon : Sejenis pokok yang dipanggil tumawon.

Bundu : Sejenis pokok yang dipanggil bundu.

Kiruyou : Diberi nama setelah berlaku kejadian pokok bambu yang mati.

Lotud : Lutut.

Liwan : Kedudukan yang berada disebelah lain.

Tatana : Manusia yang keluar dari tanah.

Taggara : Diambil daripada perkataan "na_arau_arau_ikad diKara" yang bermaksud tergesa-gesa semasa berlaku penghijrahan ke kawasan lain.

Berdasarkan kepada perkataan-perkataan tersebut mereka telah membentuk identiti baru atau dikenali dengan identiti tersebut. Selepas kejadian tersebut mereka lebih dikenali dengan pelbagai panggilan misalnya penduduk kawasan Kudat/Marudu dikenali sebagai Rungus, Ranau dan sebahagian Tambunan dikenali sebagai Liwan, Tuaran dikenali sebagai Lotud, Penampang sebagai Tanggara, Tambunan terdapat Tumawon dan Tagas, Apin-apin terdapat Kiroyou dan Bundu, suku yang lebih kecil seperti Lingkabau, Sungai, Lobu, Tombonuwa yang terdapat di Labuk Sugut, Paitan dikawasan Kinabatangan, sementara Dumpas, Tobilong, Garo dan Kimaragang tinggal dikawasan Sandakan. Kesemua suku-suku tersebut kemudiannya digelar sebagai Dusun oleh Melayu Brunei.

3.4 BAHASA

Dalam rumpun bahasa Kadazan/Dusun terdapat tidak kurang daripada 10 bahasa dan 27 dialek. Antara suku-suku yang terbesar dan mempunyai bahasa dan dialek yang berbeza dalam rumpun etnik Kadazan/Dusun termasuklah bahasa Rungus, Kimaragang, Lotud, Tombonuwa, Dumpas, Paitan, Idahan, Minokok, Dusun, Ranau, Mangkahak, Kuijau, Tatana, Tinagas dan sebagainya. Manakala bahasa-bahasa dan dialek yang terbesar dan popular ialah Rungus, Kimaragang, Lotud, Bundu,

Liwan, Tanggara dan Tatana. Dalam bahasa dan dialek terdapat pula sub-dialek yang lebih kecil. Misalnya dalam dialek Bundu, ianya dialek yang dituturkan oleh orang-orang dari Kadamaian, Ulu Kimulou, Ulu Tuaran, Bundu Tuhan, Tambunan, Ulu Penampang, Ulu Papar dan sebahagian daripada Menggatal dan Inanam, dialek pertuturan orang dari Kampung Keranaan Tambunan dan Kampung Sinsuron Tambunan terdapat sedikit perbezaan (Wilfred Madius Tanggau, 1989).

Perbezaan bahasa-bahasa tersebut telah menghalang usaha-usaha pembakuan atau standardisasi bahasa kumpulan Kadazan/Dusun. Oleh itu sehingga sekarang tidak terdapat bahasa standard dalam bahasa kumpulan Kadazan/Dusun. Tambahan pula masalah untuk membakukan bahasa Kadazan/Dusun adalah kerana ketiadaan kata sepakat antara suku-suku yang masing-masing mahukan bahasa mereka menjadi landasan kepada pembakuan bahasa tersebut. Misalnya orang Ranau lebih suka jika bahasa mereka dijadikan landasan utama berbanding dengan bahasa didaerah lain seperti di daerah Penampang dan Papar. Namun begitu beberapa usaha telah dijalankan untuk membakukan bahasa tersebut dimana Persatuan Kebudayaan Kadazan Sabah (KOISAAN) telah mengadakan beberapa perbincangan dan kajian termasuklah mengadakan simposium Bahasa kearah membakukan bahasa tersebut. Kini KOISAAN telah mengambil keputusan untuk mengambil dialek BUNDU sebagai asas atau landasan kepada pembakuan yang kemudiannya akan diperkayakan dengan nahu-nahu daripada dialek Liwan, Tanggara, Tatana, Rungus, bahasa Lotud dan sebagainya

(Wilfred Madius Tanggau, 1989).

Usaha-usaha pembakuan tersebut apabila berjaya dilaksanakan akan dapat mengurangkan masalah perbezaan dalam kumpulan Kadazan/Dusun dan seterusnya perasaan kekitaan antara suku-suku dalam satu identiti yang sama dapat dihasilkan.

3.5 SUKU-SUKU KUMPULAN KADAZAN/DUSUN RANAU

Kumpulan Kadazan/Dusun di Ranau dapat dibahagikan kepada 2 kumpulan yang utama iaitu kumpulan Kadazan/Dusun yang tinggal di bahagian Sarayo¹⁷ iaitu kawasan penempatan terletak di bahagian ulu sungai Liwago dan yang tinggal dibahagian Sawa atau hilly sungai Liwago¹⁸. Dibahagian Sarayo terdapat suku Bundu, Tegudon, Keranaan, Randagong dan Kundasang. Manakala di bahagian Sawa terdapat suku Tuhanow, Lobu, Sawa, Kimaragang, Minokok, Paitan, Mangkahak, Lingkabo, Tibabar dan Sinulingan. Kumpulan yang tinggal di bahagian Sarayo pada umumnya mempunyai dialek dan istilah-istilah bahasa yang berbeza dengan etnik yang tinggal dikawasan Sawa dan tambahan pula kawasan Sawa adalah kawasan pedalaman, oleh itu cara hidup antara kawasan Sawa dan Sarayo adalah berbeza. Ketidakseimbangan pembangunan di daerah Ranau telah menyebabkan kawasan Sawa jauh ketinggalan daripada kawasan Sarayo. Fenomena ini telah menyebabkan penduduk kawasan Sarayo selalu memandang rendah cara hidup

¹⁷ Kawasan Sarayo bagi panggilan orang Tambunan ialah Liwan.

¹⁸ Penduduk Kadazan/Dusun Ranau menggunakan Sungai Liwago sebagai panduan untuk membezakan sesuatu tempat.

kuno yang diamalkan oleh penduduk Sawa.

Suku yang tinggal dibahagian Sarayo mempunyai loghat pertuturan yang berbeza tetapi pada umumnya istilah-istilah bahasa yang mereka gunakan adalah sama. Dalam suku Bundu terdapat subsuku iaitu Toboh dan Tiong, begitu juga dengan suku Tegudon, Keranaan, Randagong dan Kundasang yang mempunyai subsuku masing-masing. Pembentukan subsuku tersebut adalah kerana setiap kampung atau kawalaian mempunyai loghat tersendiri yang membezakan sesuatu kampung dengan kampung lain. Oleh itu, daripada cara bercakap, tempat asal atau kampung seseorang itu dapat diketahui. Misalnya keadaan tersebut adalah sama seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu dimana terdapat loghat Kelantan yang berbeza dengan loghat Terengganu.

Pada umumnya di bahagian Sawa, loghat pertuturan mereka agak sukar dibezakan antara setiap suku yang mendiami bahagian ini. Namun begitu loghat Kiruyou, Minokok dan Lingkabau agak berbeza dengan loghat subsuku yang lain.

Perbezaan tersebut disebabkan oleh warisan sejak turun temurun dimana sehingga kini saki baki warisan tersebut masih dimiliki oleh suku-suku tersebut. Pada masa dahulu semangat kesukuan antara kelompok-kelompok suku didaerah Ranau sangat kuat sehingga ia membentuk identiti masing-masing yang tersendiri. Misalnya keadaan ini dapat dilihat dimana pada masa dahulu semasa adat memburu kepala manusia masih diamalkan, suku Tegudon dan suku Keranaan selalu berperang walaupun jarak kediaman suku tersebut hanya sejauh

l km¹⁹.

Walaupun terdapat perbezaan loghat dalam setiap suku tersebut tetapi hubungan antara mereka adalah baik. Kesedaran mereka bahawa mereka adalah satu bangsa yang sama iaitu bangsa Kadazan/Dusun telah mengikat suku-suku tersebut dalam satu kumpulan yang besar. Namun begitu pada tahun 1960an berlaku perpecahan didalam kumpulan tersebut dimana ada diantara mereka yang menggunakan gelaran Dusun bagi merujuk kepada bangsa mereka dan ada yang menggunakan gelaran Kadazan.

3.6 PERSOALAN MENGENAI GELARAN DUSUN DAN KADAZAN

Sebelum tahun 1960an, kesemua suku-suku dalam kumpulan Kadazan/Dusun dikenali sebagai bangsa Dusun. Namun begitu dalam tahun 1960an beberapa suku dalam bangsa Dusun tersebut telah menukar identiti mereka sebagai Kadazan dan suku-suku yang lain masih tetap sebagai bangsa Dusun. Keadaan ini telah membawa kepada perselisihan dan perpecahan. Suku Tanggara dan Tatana yang mendiami kawasan Penampang, Putatan daan Papar lebih suka dipanggil Kadazan manakala suku-suku yang lain seperti Rungus, Liwan, Lotud, Tuwawon, Tagaas dan lain-lain lagi lebih suka identiti mereka sebagai Dusun.

Perselisihan mengenai bangsa tersebut bermula setelah penubuhan UNKO (United National Kadazan Organization) pada bulan Ogos 1961 yang diketuai oleh Donald Stephen. Usaha utama pertubuhan ini ialah untuk menggantikan gelaran Dusun

19 Menurut penduduk Kg. Tegudon Lama iaitu En. Zulkifli Watiman.

dengan gelaran Kadazan bagi semua kumpulan Kadazan/Dusun di Sabah pada masa itu. Pada masa penubuhan pertubuhan tersebut satu persidangan mengenai isu bangsa tersebut telah dibentangkan. Dalam persidangan tersebut yang dihadiri oleh perwakilan daripada 25 kawasan untuk membincangkan berkenaan dengan gelaran Dusun dan Kadazan. Keputusan terakhir dalam persidangan tersebut ialah gelaran Kadazan telah dipilih oleh suara ramai bagi menggantikan gelaran Dusun. Namun begitu beberapa perwakilan daripada 25 kawasan tersebut masih menganggap diri mereka sebagai Dusun misalnya perwakilan daripada Ranau, Tuaran dan Kiulu masih menganggap diri mereka sebagai Dusun namun begitu perwakilan-perwakilan tersebut terpaksa menerima keputusan ramai. Hasil daripada pengundian didapati 6 orang perwakilan telah menentang penggunaan gelaran Kadazan (North Borneo News dan Sabah Times, 7/8/1961). Persidangan tersebut dikatakan berat sebelah dimana kebanyakan perwakilan tersebut lebih ramai dari Penampang dan Papar yang pro kepada Kadazan dan Donald Stephen²⁰. Ini telah menimbulkan rasa tidak senang sebilangan besar orang-orang yang masih mengaku sebagai suku kaum Dusun. Ekoran daripada perpecahan tersebut satu ura-ura untuk menuju United National Dusun Organization atau UNDO untuk menentang penubuhan UNKO (UNITED NATIONAL KADAZAN ORGANIZATION). Namun begitu pada akhirnya United National Pasok-Momog un Organization atau UNPMO telah ditubuhkan pada

20 Donald Stephen atau Fuad Stephen ialah seorang pemimpin kumpulan Kadazan/Dusun yang mahukan penggunaan gelaran Kadazan untuk menggantikan gelaran Dusun.

2/1/1962 yang berpusat di Keningau. Datuk G.S Sundang telah dipilih sebagai presiden pertama. Pertubuhan ini diwakili oleh suku Dusun sebagai suku terbesar disamping suku-suku lain seperti Murut, Lundayeh, Bajau dan lain-lain lagi (Ahmad I.Q, 1977:5 - 6).

Tentangan daripada UNPMO terhadap UNKO telah memaksa kedua-dua pertubuhan tersebut bergabung menjadi satu pada 14/6/1964 dibawah satu nama pertubuhan iaitu UPKO (United Pasok-Momogun Kadazan Organization). Alasan kepada penyatuan tersebut adalah kerana UNKO telah bersetuju untuk tidak merancang melenyapkan gelaran Dusun dan seterusnya penggunaan perkataan antara Dusun dan Kadazan adalah setaraf. Pergabungan kedua-dua pertubuhan politik itu telah melenyapkan perselisihan antara Dusun dan Kadazan. Namun begitu kesedaran perlunya sebuah badan yang tidak berbau politik telah timbul dikalangan orang-orang Dusun (Ahmad I.Q, 1977:6).

Dalam tahun 1964, persatuan USDA (United Sabah Dusun Association) ditubuhkan yang berpusat di Tuaran. Tujuan utama penubuhan tersebut ialah untuk mempertahankan keaslian semua suku Dusun dibidang seni budaya, adat istiadat dan kemajuan masyarakatnya. Namun begitu secara tidak langsung penubuhan persatuan USDA adalah kerana tidak bersetuju dengan penukaran gelaran Dusun kepada Kadazan. Ini terbukti kerana ramai ahlinya terdiri daripada orang-orang Dusun yang tidak gemar dengan gelaran Kadazan daripada Kawasan Kudat, Kota Belud, Ranau, Kinabatangan, Tambunan, Keningau dan

lain-lain kawasan di Pantai Timur (Ahmad I.Q., 1977:7).

Perselisihan antara Kadazan dan Dusun lenyap sehingga pilihanraya Dewan Undangan Negeri kawasan N14 Ranau pada hujung tahun 1989. Pada masa kempen pilihanrya tersebut, dua buah parti telah berkempen dengan hebat iaitu parti PBS (Parti Bersatu Sabah) sebagai kerajaan dan parti AKAR (Angkatan Keadilan Rakyat) sebagai pembangkang. Perselisihan antara kedua-dua pemimpin parti tersebut menimbulkan isu perkauman. Tuduhan parti pembangkang bahawa PBS dan pemimpinnya sebagai pro-Kadazan dan cuba melenyapkan gelaran Dusun menjadi isu penting dalam kempen pilihanraya tersebut. Tambahan pula pemimpin parti pembangkang adalah presiden pertubuhan USDA telah menggunakan isu penindasan terhadap suku Dusun sebagai isu utama. Ini adalah ekoran daripada pengumuman kerajaan bahawa hanya gelaran Kadazan digunakan untuk semua suku kaum di Sabah.

Peristiwa kempen pilihanraya Dewan Undangan Negeri N14 Ranau dalam tahun 1989 telah menghidupkan perselisihan tersebut. Gelaran Kadazan/Dusun telah digunakan untuk menyatukan semula kedua-dua kumpulan tersebut. Sehingga sekarang penggunaan perkataan Kadazan/Dusun telah diiktiraf bagi merujuk kepada suku-suku Kadazan dan Dusun dinegeri Sabah. Namun begitu penduduk Ranau lebih suka perkataan Dusun didahulukan dan Kadazan dikemudiankan iaitu Dusun/Kadazan.

3.7 ASAL-USUL GELARAN KADAZAN DAN DUSUN

Perselisihan antara gelaran Kadazan dan Dusun telah melahirkan beberapa penulisan tentang asal-usul gelaran Kadazan dan Dusun. Beberapa pendapat telah dikemukakan berkenaan dengan maksud gelaran Kadazan dan Dusun serta keaslian gelaran tersebut samada lahir daripada masyarakat tersebut atau daripada luar. Menurut Herman J. Luping²¹ gelaran Kadazan adalah merujuk kepada penduduk yang tinggal di Sabah. Menurutnya lagi sebuah buku yaag ditulis oleh Spenser St. John pada awal 1930an tentang orang-orang Kadazan dan juga perkataan Kadazan terdapat dalam penulisan oleh Dr. William dan Dr. Wayne yang menulis tentang dialek Kadazan manakala perkataan Dusun adalah merujuk kepada petani kelas bawahan atau hina (Sabah Times, Sabtu, Nov. 19, 1963).

Perkataan Kadazan telah direkodkan oleh Owen Rutter dalam awal tahun 1920an, tetapi hanya terkenal dalam tahun 1950an dan 1960an. Dalam kamus yang ditulis Rev. Fr. A. Antonissen perkataan Kadazan telah mula digunakan sejak kedatangan mubaligh dalam tahun 1880an namun begitu perkataan Kadazan lebih banyak digunakan untuk merujuk kepada suku Tanggara yang terdapat di Penampang dan Papar. Maksud perkataan Kadazan menurut penafsiran Bobolian²² bahawa ia berkenaan dengan tradisi kepercayaan adat dan tradisi perubatan, ia juga bermaksud manusia (Richard F.

21 Beliau berkelulusan M.A dan pernah menjadi Pengarah Urusan akhbar Sabah Times.

22 Bobolian ialah gelaran kepada individu yang mempunyai kebolehan sebagai bomoh dan dapat berhubung dengan alam ghaib. Oleh itu ia dapat memperolehi segala maklumat yang diperlukan berkenaan alam ghaib.

Tunggolou : 1989).

Selain daripda itu Kadazan juga bermaksud kedai atau 'kadayan' oleh itu kadazan adalah merujuk kepada penduduk yang tinggal berdekatan dengan kedai atau orang-orang dari bandar dan setengah-setengahnya pula menganggap terutamanya golongan intelek Kadazan berpendapat kadazan bermaksud "orang-orang yang bertamaddun dan teragung". Namun begitu ianya tidak diterima oleh suku-suku Kadazan/Dusun di Utara dan Pedalaman negeri ini yang masih mengekalkan identiti dan penggunaan nama asal suku dan puak mereka seperti Dusun, Lotud dan Rungus (Japuin Madisah, 1986:7 - 8).

Asal-usul perkataan Dusun pula dikatakan berasal daripada perkataan orang-orang Melayu dimana pada masa pemerintahan kesultanan Brunei dinegeri Sabah, timbul nama orang "Dusun" yang ditujukan khas kepada kelompok ini. Semasa berlaku perdagangan tukar barang pada zaman lampau, orang Kadazan/Dusun menukar barang seperti buah-buahan yang ditanam didusun buah-buah dengan barang-barang tembaga, perak dan lain-lain. Sebutan Dusun meluas kepada ramai kelompok Kadazan/Dusun selepas kedatangan Chartered Company. Gelaran Dusun digunakan oleh British yang merujuk kepada kumpulan suku seperti Liwan, Bundu, Tindal, Rungus, Lotud, Takuwa, Kuijau, Tanggara dan lain-lain (Japuin Madisah, 1986:7).

Seterusnya menurut Japuin Madisah (1986:7) sebenarnya perkataan 'Dusun' adalah berasal daripada nama seorang ketua pemimpin satu kumpulan migran orang-orang Cina iaitu Lo Sun

yang tiba di negeri ini bahawa pada zaman lampau Maharaja Cina iaitu Maharaja Yung Lo yang memerintah dari 1403 - 1424 S.M. (Sebelum Masihi) telah menghantar beberapa ekspedisi ke negeri ini untuk mengambil gemala naga yang terletak di puncak Gunung Kinabalu.

3.8 SEBAB-SEBAB DAN AKIBAT KEPADA PERSELISIHAN ANTARA KADAZAN DAN DUSUN

Perpecahan antara Kadazan dan Dusun telah memberi implikasi yang tidak baik terhadap hubungan antara kedua-dua kumpulan tersebut. Masing-masing cuba merendah-rendahkan antara satu sama lain dan mendakwa kumpulan mereka lebih bertamadun. Beberapa perdebatan antara mereka telah dijalankan namun tidak menghasilkan apa-apa kata putus yang muktamad. Ini telah menimbulkan beberapa masalah seperti masalah standardisasi bahasa Kadazan/Dusun kerana masing-masing berkeras antara satu sama lain.

Perselisihan antara kumpulan Kadazan dan Dusun adalah disebabkan oleh maksud perkataan Kadazan dan Dusun. Kumpulan yang mendakwa sebagai Kadazan merendah-rendahkan maksud perkataan Dusun iaitu orang yang tidak bertamaddun, primitif dan tinggal dikawasan pedalaman manakala kumpulan Kadazan mentakrifkan diri mereka sebagai orang-orang dari bandar yang lebih bertamaddun. Oleh itu perkataan Kadazan harus diterima oleh semua orang. Namun begitu kumpulan yang mendakwa diri mereka sebagai Dusun menuduh bahawa kumpulan yang mengaku Kadazan tersebut hanya terdapat dikawasan Penampang dan Papar dan sebenarnya Kadazan tidak bermaksud

bandar atau kedai kerana dalam tahun 1950an sudah ada kedai di Penampang dan Papar tetapi hanya dijalankan oleh orang Cina dan kumpulan Kadazan tersebut tidak tinggal di kedai. Tambahan pula adalah sukar bagi kumpulan Dusun untuk menjadi Kadazan kerana mereka tinggal di kawasan pedalaman (Richard F. Tunggolou, 1989)

Identiti kumpulan Dusun adalah terletak pada warisan seni budaya dan adat istiadat mereka. Oleh itu jika identiti mereka sebagai Dusun dihapuskan maka bererti warisan turun temurun daripada nenek-moyang mereka akan hilang kerana kumpulan Kadazan sebagai kumpulan yang lebih bertamaddun sedikit sebanyak telah meninggalkan warisan daripada nenek-moyang mereka kerana mereka lebih dahulu mendapat pengaruh bandar daripada kumpulan Dusun. Selain daripada perbezaan kemajuan masyarakat antara kumpulan Kadazan dan kumpulan Dusun, bahasa Kadazan hanya digunakan oleh penduduk daripada Penampang dan Papar sahaja. Menurut Donald Stephen bahawa Kadazan Penampang mempunyai beberapa kelebihan daripada Kadazan lain (luar Penampang) iaitu mereka lebih beruntung kerana sistem pelajaran lebih dahulu mereka perolehi daripada sekolah-sekolah mission berbanding dengan daerah-daerah lain (Sabah Times, November 1, 1961)

Pandangan-pandangan seumpama ini melahirkan perasaan prejudis diantara kedua-dua kumpulan tersebut. Namun begitu pada masa kini tingkat kemajuan di setiap daerah adalah agak seimbang. Perbezaan taraf kehidupan dan kemajuan antara kedua-dua kumpulan semakin seimbang. Walaubagaaimanapun

pengkaji cuba meninjau apakah pandangan orang Ranau terhadap gelaran Kadazan dan Dusun.

3.9 PANDANGAN ORANG RANAU TERHADAP GELARAN KADAZAN DAN DUSUN

Penduduk Ranau pada umumnya lebih suka dengan panggilan Dusun antara mereka. Sejak dari dulu hingga generasi pada masa kini telah sebatи dengan perkataan Dusun. Sepanjang temubual yang dijalankan oleh pengkaji di keempat-empat tempat kajian iaitu Kampung Lingkudou, Tegudon Lama, Kg. Himbaan, Bundu Tuhan dan kawasan Pekan Ranau menunjukkan mereka lebih suka dipanggil Dusun.

Penduduk Ranau tidak mempersoalkan dimanakah asal-usul perkataan Dusun kerana mereka telah dikenali sebagai Dusun. Tambahan pula pada pengertian mereka maksud 'dusun' adalah orang yang mengerjakan tanah untuk pertanian atau berkait rapat dengan penggunaan tanah. Oleh itu adalah tidak menghairankan kawasan Ranau telah menjadi salah satu pengeluar hasil pertanian yang terbesar di Sabah.

Walaupun penduduk Ranau mempunyai identiti yang berbeza sesama mereka tetapi perkataan Dusun telah dapat menyatukan seluruh penduduk Ranau. Biasanya apabila berlaku pertemuan sesama mereka, mereka akan mengidentitikan mereka sebagai Dusun. Identiti penduduk Ranau terletak pada bahasa pertuturan mereka yang mempunyai loghat yang tersendiri berbanding dengan daerah lain.


Berkenaan dengan perkataan Kadazan, mereka sukar menerima panggilan tersebut sesama mereka. Beberapa pendapat

mengatakan adalah tidak munasabah memanggil mereka sebagai Kadazan sedangkan mereka tidak bertutur dalam loghat Kadazan, misalnya dalam siaran radio RTM Sabah, siaran dalam bahasa Kadazan adalah berbeza dengan siaran dalam bahasa Dusun. Berdasarkan kepada alasan-alasan tersebut adalah sukar untuk menukar identiti yang telah sebati dalam diri mereka. Namun begitu apabila berada di tempat lain mereka dikenali sebagai Kadazan dan mengakuinya kerana perkataan Kadazan lebih dikenali di peringkat kebangsaan. Fenomena tersebut menunjukkan bahawa mereka mengakui perkataan Dusun dan Kadazan tetapi penglibatan daripada parti politik telah mengakibatkan isu perkataan Dusun atau Kadazan timbul semula setelah sekian lama dilupakan oleh penduduk Ranau.

3.10 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya perbincangan dalam bab ini dapat dirumuskan dalam gambarajah di bawah.

Sehingga masa kini kumpulan Kadazan/Dusun masih sukar untuk menentukan nama bangsa mereka. Kumpulan ini pada masa akan datang mungkin menggunakan gelaran Dusun atau Kadazan atau mencipta gelaran baru untuk menyatukan kumpulan-kumpulan yang berpecah tersebut. Masalah ini mungkin dapat diatasi dengan adanya usaha-usaha untuk mengstandardisasi kesemua bahasa-bahasa kesukuan kedalam satu bahasa yang standard dan seterusnya menjadi bahasa kepunyaan bersama.



Gambarajah II: Penyelekan/penyebaran-kepada-suku-serta-penyatuan-dan-pemecahan semula-kepada-kumpulan-masyarakat-Kadazan/Dusun.